

Tiada rancangan dikenakan bayaran bagi beg plastik

GUNAKAN BANYAK PLASTIK: Seorang pelanggan sedang keluar dari sebuah pasar raya tempatan penuh dengan barangan yang diisi dalam beg plastik. Penggunaan beg plastik di sini dikatakan agak tinggi dan didakwa ada kaitan dengan pencemaran alam sekitar seperti pengeluaran karbon. – Foto fail



TIADA rancangan untuk memperkenalkan levi ke atas beg plastik, dan langkah menggantikannya dengan beg biodegradabel atau beg kertas tidak semestinya lebih mesra alam.

Ini dinyatakan Menteri Negara Kanan (Sekitaran dan Sumber Air merangkap Kesihatan) Dr Amy Khor semalam.

“Langkah mengenakan bayaran atau melarang penggunaan beg plastik sekali pakai dan menggantikannya dengan beg pakai buang lain tidak akan meningkatkan alam sekitar,” jelas Dr Khor.

Beliau menambah, setiap jenis beg pakai buang, sama ada beg biodegradabel atau beg kertas, akan menjejaskan alam sekitar, sama ada melalui pengeluaran karbon, penggunaan air atau pemugaran tanah, memetik satu kajian yang ditauliahkan Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA).

Kajian itu telah meninjau kesan pelbagai bahan pakai buang, termasuk beg plastik ke atas alam sekitar.

“Kajian (NEA) itu merumuskan bahawa pengguna umumnya boleh mengurangkan kesan kepada alam sekitar dengan menggunakan beg dan bekas makanan yang boleh digunakan semula berbanding bahan yang pakai buang.”

– Dr Amy Khor mengenai peranan penting yang boleh dimainkan pengguna dalam isu alam sekitar berkaitan bahan pakai buang.

Antara dapatannya, penggunaan secara kerap beg yang digunakan semula sepanjang lebih setahun boleh menggantikan penggunaan sebanyak 125 beg sekali pakai, atau 52 beg kertas sekali pakai.

Kajian itu juga mendapati penggunaan tetap satu bekas makanan yang digunakan semula sepanjang lima tahun boleh menggantikan penggunaan 3,650 pinggan pakai buang.

Diterajui saintis Universiti Na-

sional Singapura (NUS), Dr Kua Harn Wei, kajian itu mendapati meskipun ada peruncit mendakwa beg biodegradabel merupakan alternatif mesra alam kepada beg plastik, kedua-dua jenis beg itu memerlukan sumber yang sama untuk dihasilkan.

Kedua-dua jenis beg itu juga mempunyai kesan sekitaran yang serupa apabila dibakar.

Di Singapura, sampah dibakar dan tidak dibiarkan di tanah timbus.

“Kajian itu merumuskan bahawa pengguna umumnya boleh mengurangkan kesan kepada alam sekitar dengan menggunakan beg dan bekas makanan yang boleh digunakan semula berbanding bahan yang pakai buang,” kata Dr Khor.

Beberapa Anggota Parlimen (AP) termasuk Cik Cheng Li Hui (GRC Tampines) dan Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi (NCMP) Encik Dennis Tan telah menimbulkan isu tentang penggunaan beg plastik berlebihan di Parlimen semalam.

Dr Khor berkata pemerintah akan meningkatkan pendekatan dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mengurangkan penggunaan berlebihan beg plastik dan bekas makanan pakai buang.

Ini sedang pemerintah bakal meletakkan rangka kerja laporan yang wajib bagi pengurusan sisa bungkusan menjelang 2021.

Dr Khor turut menarik perhatian bahawa penggunaan beg plastik diperlukan untuk membuang sampah secara bersih memandangkan iklim tropika di Singapura.